



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (79)  
Tarikh : 17 November 2021

## KENYATAAN MEDIA

---

### OPERASI SERBUAN TERHADAP EMPAT (4) PEMEGANG PAJAK GADAI TIDAK BERLESEN

---

**PUTRAJAYA, 18 November 2021** – Empat (4) premis pajak gadai tidak berlesen iaitu tiga (3) di Selangor dan satu (1) di Johor telah diserbu oleh Cawangan Siasatan dan Pemantauan, Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada bulan Oktober 2021 baru-baru ini. Empat (4) serbuan yang dijalankan ini adalah berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam dan risikan yang dijalankan.

Dalam serbuan tersebut, **sebelas (11) individu telah ditahan** untuk siasatan lanjut. **Hasil rampasan dalam operasi tersebut antaranya adalah:**

1. Wang tunai berjumlah RM 13,437.00;
2. Barang kemas seperti rantai gelang, loket dan cincin emas (anggaran nilai sebanyak RM 99,885.00);
3. Alat penimbang emas;
4. Cecair asid penguji emas;
5. Satu (1) set komputer; dan
6. Surat menyerupai surat pajak gadai.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 7(2) Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] iaitu menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai tanpa lesen yang sah. Siasatan awal juga mendapati kadar faedah yang dikenakan adalah antara 2 hingga 5 peratus sebulan iaitu melebihi kadar yang ditetapkan dalam Akta 81 iaitu 2 peratus. **Tiga (3) individu dijangka akan dituduh di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, dan satu (1) di Mahkamah Majistret Johor Bharu, Johor** dalam waktu yang terdekat. KPKT akan sentiasa membuat pemantauan secara berterusan mengenai perkara ini.

**Orang ramai dinasihatkan memuat turun aplikasi *i-Gadaian*** sekiranya ingin membuat carian nama pemegang pajak gadai yang berlesen dan didaftarkan di bawah KPKT di seluruh

Malaysia. Orang ramai juga diseru agar dapat memanfaatkan penggunaan aplikasi ini selaras dengan *tagline* “Jadilah Pemajak Yang Bijak”. KPKT juga memantau pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) di premis-premis Pemegang Pajak Gadai Berlesen semasa Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 ini. Berdasarkan pemantauan dari semasa ke semasa, secara umumnya semua premis PPG mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

KPKT amat memandang serius terhadap aduan-aduan yang diterima berkaitan Pemberi Pinjam Wang (Kredit Komuniti) dan juga Pemberi Pinjaman Wang Tidak Berlesen atau lebih dikenali dengan panggilan *Ah Long*. Syarikat Kredit Komuniti adalah syarikat yang mempunyai lesen di bawah KPKT dan tertakluk kepada peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan dibenarkan untuk beroperasi manakala *Ah Long* ini tidak berlesen di bawah KPKT dan memberikan pinjaman wang secara haram.

Terdapat beberapa **perbezaan antara syarikat Kredit Komuniti yang berlesen dengan Ah Long** antaranya adalah peratus kadar faedah yang dikenakan adalah berbeza dan lebih tinggi dari yang ditetapkan dalam Akta 400. **Peratus kadar faedah yang ditawarkan oleh syarikat Kredit Komuniti adalah tetap. Untuk pinjaman bercagar, tidak boleh melebihi 12 peratus setahun dan bagi pinjaman tidak bercagar tidak boleh melebihi 18 peratus setahun.** Kadar jumlah faedah yang ditetapkan juga adalah tidak boleh melebihi daripada jumlah pinjaman. **Bagi Ah Long, kadar faedahnya adalah tidak tetap, dan boleh berubah pada bila-bila masa dan lebih daripada kadar faedah yang ditetapkan.**

**Kaedah pengendalian transaksi juga adalah berbeza antara Kredit Komuniti dan Ah Long. Transaksi bagi Kredit Komuniti adalah wajib dijalankan di dalam premis berdaftar sahaja** dan ini adalah selaras dengan Peraturan 15, Akta 400 **manakala bagi yang tidak berlesen dilakukan di mana-mana sahaja** seperti di tempat awam antaranya di restoran/ kedai makan, stesen minyak dan sebagainya. Buat masa ini, tiada sebarang transaksi yang boleh dijalankan secara dalam talian oleh para Pemberi Pinjam Wang Berlesen.

Bagi peminjam yang membuat **pinjaman dengan syarikat Kredit Komuniti, peminjam akan menandatangani satu dokumen perjanjian pinjaman iaitu Jadual J bagi pinjaman tidak**

**bercagar dan Jadual K bagi perjanjian bercagar dan dokumen perjanjian tersebut perlu disetamkan.** Peminjam juga akan diberikan sesalinan dokumen perjanjian yang ditandatangani seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 16 Akta 400. Manakala bagi Ah Long dokumen perjanjian pinjaman disediakan sendiri oleh mereka ataupun langsung tidak menyediakan dokumen perjanjian.

KPKT juga telah mengesan iklan-iklan bagi penawaran pinjaman oleh pihak *scammer* yang menyamar sebagai Kredit Komuniti Berlesen di bawah KPKT. Taktik terkini *scammer* adalah dengan menyiarkan iklan melalui internet iaitu menggunakan media sosial seperti Facebook, Tiktok, Instagram dan sebagainya. Terdapat juga syarikat yang menawarkan pinjaman KWSP (i-Lestari) dan mendakwa mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh KPKT sedangkan mereka adalah syarikat yang tidak berdaftar dengan KPKT. Selain itu, ada juga syarikat pinjaman tidak berlesen ini menggunakan lambang jata negara, KPKT dan logo kredit komuniti dalam iklan yang disiarkan. Bagi mengatasi isu ini, **KPKT telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat laman web/ laman sesawang yang menyiarkan iklan-iklan oleh pihak *scammer* ini.**

Justeru, orang ramai diminta untuk lebih berhati-hati dalam membuat sebarang urusan berkaitan pinjaman wang ataupun pajakan. Aduan mengenai urusanniaga pajak gadai tidak berlesen dan berlesen boleh dibuat kepada KPKT melalui *Sistem i-Gadaian* dan aduan mengenai Kredit Komuniti melalui *i-KrediKom* yang boleh diakses melalui laman web KPKT iaitu [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my).

**-TAMAT-**

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)